

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2019**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan nilai sumbangan perikemanusiaan Kerajaan ikut pecahan dari tahun 2010 hingga 2019 kepada:

- (a) negeri-negeri muslim umpamanya Palestine, Rohingya, Syria, Afghanistan, Kashmir, Mindanao, Pattani; dan
- (b) negeri-negeri bukan muslim seperti Timor Leste, Cambodia, Sri Lanka, China dan sebagainya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibu atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia sentiasa prihatin terhadap isu-isu kemanusiaan yang berlaku di negara-negara luar, tanpa mengambil kira latar belakang agama, budaya dan etnik yang terlibat. Penyaluran sumbangan kemanusiaan daripada Malaysia kepada negara-negara luar ini dibahagikan kepada dua bentuk iaitu sama ada dalam bentuk bantuan kewangan atau dalam bentuk bantuan-bantuan lain seperti sumbangan barang keperluan asas, barang dan perkhidmatan kesihatan, latihan dan pembangunan modal insan dan lain-lain.

Tuan Yang-di-Pertua,

*(Palestin)*

3. Sumbangan Malaysia kepada Palestin disalurkan melalui pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti *United Nations Relief and Works Agency* (UNRWA), *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) dan *United Nations Register for Damages* (UNRoD) yang dianggarkan berjumlah USD12.85 juta (RM54.3 juta) sejak tahun 2011. Bantuan kepada rakyat Palestin juga turut disalurkan melalui Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) yang telah ditubuhkan sejak tahun 2002. Sumber kewangan AAKRP secara amnya adalah daripada sumbangan rakyat Malaysia kepada rakyat Palestin.

*(Rohingya)*

4. Sementara itu, melihat kepada tuntutan kemanusiaan yang mendesak di kem-kem pelarian Rohingya di Bangladesh, Malaysia telah

menubuhkan Hospital Medan di Cox's Bazar, Bangladesh pada Disember 2017 yang menyediakan perkhidmatan kesihatan bukan sahaja kepada pelarian Rohingya, malah kepada rakyat tempatan Bangladesh. Selain itu, Malaysia juga telah menghantar misi bantuan kemanusiaan di bawah penyelarasan Kerajaan pada 9 September 2017, 7 Oktober 2017, 22 Oktober 2017 dan 27 Januari 2018 dengan berat keseluruhan 107 tan. Bantuan kemanusiaan tersebut merupakan barang keperluan asas seperti makanan, ubat-ubatan dan penjagaan kebersihan.

5. Selain itu, bantuan kewangan sebanyak USD100,000.00 (RM422,570.00) turut diberikan untuk isu pelarian Rohingya yang disalurkan menerusi ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management (AHA Centre) bagi membantu Kerajaan Myanmar dalam usaha-usaha repatriasi pelarian Rohingya.

*(Indonesia)*

6. Sebagai jiran terdekat, Malaysia turut prihatin terhadap bencana alam yang melanda Indonesia. Kerajaan Malaysia telah menyalurkan sumbangan sebanyak RM1,000,000 kepada Badan Nasional Penanggulangan Bencana Indonesia (BNPB) berikutan kejadian tsunami dan gempa bumi yang melanda Palu dan Donggala di Sulawesi Tengah, Indonesia pada 28 September 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

*(China)*

7. Berhubung sumbangan kepada Kerajaan China pula, pihak Kementerian Luar Negeri pernah menyalurkan sumbangan sebanyak RM1,000,000 pada tahun 2013 berikutan kejadian gempa bumi yang melanda wilayah Sichuan pada 20 April 2013.

*(Jepun)*

8. Malaysia juga pernah memberikan sumbangan kemanusiaan sebanyak RM500,000 kepada Kerajaan Jepun bagi membantu mangsa-mangsa banjir di kawasan tengah dan selatan Pulau Honshu, Jepun serta mangsa-mangsa gelombang haba melampau (*heat wave*) pada tahun 2018.

(Lao PDR)

9. Selain itu, Malaysia turut memberikan sumbangan kemanusiaan sebanyak USD100,000 (RM422,570) yang disalurkan terus kepada Kerajaan Lao PDR berikutan banjir besar yang berlaku pada Julai 2018.

(Bahamas)

10. Terkini, Kerajaan Malaysia akan menyalurkan sumbangan kepada negara Bahamas sebanyak USD25,000 (RM105,000) untuk membantu kerja-kerja pemulihan ekoran Taufan Dorian yang melanda negara tersebut pada 1 September 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Sebagai penutup, ingin saya memaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa komited terhadap isu-isu kemanusiaan dan memastikan tindakan-tindakan yang diambil oleh Malaysia tidak terbatas kepada agama, budaya dan etnik tertentu.

12. Kerajaan akan sentiasa membuat penilaian sewajarnya bagi memastikan sumbangan negara dapat diberikan kepada negara-negara luar yang memerlukan dan ianya disalurkan secara efektif tanpa melibatkan sebarang implikasi terhadap hubungan diplomatik Malaysia.

Sekian, terima kasih.